

**PEMBINAAN GARIS PANDUAN PERBUALAN  
PENDIDIK (BuDi) BAGI MENYOKONG  
PERKEMBANGAN BAHASA DAN  
KOMUNIKASI KANAK-KANAK  
3 TAHUN**

**NUR FATIN BINTI ZAINUDDIN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**

**PEMBINAAN GARIS PANDUAN PERBUALAN PENDIDIK (BuDi) BAGI  
MENYOKONG PERKEMBANGAN BAHASA DAN KOMUNIKASI  
KANAK-KANAK 3 TAHUN**

**NUR FATIN BINTI ZAINUDDIN**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 (hari bulan) FEBRUARI (bulan) 2021

### i. Perakuan pelajar:

Saya, NUR FATIN BINTI ZAINUDDIN, M20132001718, PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBINAAN GARIS PANDUAN PERBUALAN PENDIDIK (BuDi) BAGI MENYOKONG PERKEMBANGAN BAHASA DAN KOMUNIKASI KANAK-KANAK 3 TAHUN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ZAINIAH MOHAMED ISA dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBINAAN GARIS PANDUAN PERBUALAN PENDIDIK (BuDi) BAGI MENYOKONG PERKEMBANGAN BAHASA DAN KOMUNIKASI KANAK-KANAK 3 TAHUN dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK).

Tarikh : 21/02/2021

Tandatangan Penyelia  
**ZAINIAH MOHAMED ISA**  
PENSYARAH  
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak  
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim, Perak.



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBINAAN GARIS PANDUAN PERBUALAN PENDIDIK (BuDi) BAGI  
MENYOKONG PERKEMBANGAN BAHASA DAN KOMUNIKASI KANAK-  
KANAK 3 TAHUN

No. Matrik / Matric's No.: M20132001718  
Saya / I: NUR FATIN BINTI ZAINUDDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan ~~Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\*~~ ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.  
*The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.*
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /  
*Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /  
*Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 21/02/2021

  
(Tandatangan Penyelaja / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

**ZAINIAR MOHAMED ISA**  
PENSYARAH  
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak  
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim, Perak.

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*



## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kepada Allah S.W.T. tuhan sekalian alam serta selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. atas limpahan rahmat serta kurniaan yang tidak terhingga. Alhamdulillah hirrabbil'amin, saya merafakkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurniannya, dapat saya menyelesaikan tugas penulisan kertas projek ini walaupun terdapat kekangan yang melanda dan kesukaran yang dihadapi.

Saya meletakkan sejuta penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Zainiah Mohamed Isa dan Encik Juppri Bacotang di atas tunjuk ajar dan sokongan yang tidak putus daripada mereka. Mereka juga banyak memberikan panduan dan membantu saya sepanjang proses pembentukan penulisan ilmiah ini berlaku, segala bimbingan beliau amat saya hargai. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah yang telah mengajar saya selama menimba ilmu di Universiti Pendidikan Sultan Idris serta tidak lupa kepada kakitangan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC), kakitangan Perpustakaan Tuanku Bainun, kakitangan Institut Pascasiswazah Universiti Pendidikan Sultan Idris di atas bantuan dan bimbingan yang dihulurkan.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya iaitu **Tn Hj Zainuddin bin Abu Bakar** dan **Hjh Ruziah Binti Maarop**, adik beradik dan ahli keluarga yang lain yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini. Mereka semua merupakan inspirasi saya dalam mengharungi dugaan dan cabaran dalam perjuangan menghabiskan pengajian di peringkat ijazah sarjana ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada sahabat Sarah Najwa Binti Zainon, Siti Munira Binti Yahya, Kogilam a/p Devanathan, sahabat Pascasiswazah NCDRC; Dr Rashidah Elias, Siti Munirah Mohd Ali, Jamariah Muhamad, Norazizah Abdul Rahman dan rakan-rakan sekerja di PAPN Langkawi yang sama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan projek penulisan ilmiah masing-masing. Bantuan kalian dari segi informasi mengenai penulisan ilmiah amat saya hargai. Budi rakan sekalian yang sanggup meluangkan masa untuk memberikan saya maklumat tidak akan saya lupakan. Semoga Allah memberkati dan merahmati segala perjuangan suci kita dalam menuntut ilmu.

*Al-fatimah buat abahku...07111959-19042019...*

Sekian, terima kasih.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina sebuah garis panduan perbualan sebagai panduan kepada pendidik untuk melaksanakan perbualan yang efektif di TASKA bagi menyokong perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak daripada aspek kemahiran semantik dan pragmatik. Garis panduan perbualan yang dinamakan sebagai Garis Panduan BuDi ini dihasilkan bagi mengisi kekurangan panduan perbualan antara pendidik dan kanak-kanak dan bagi mengatasi kelemahan pendidik yang tidak mahir untuk berinteraksi dengan kanak-kanak. Kajian ini dijalankan secara kualitatif melibatkan reka bentuk kajian kes ke atas sebuah TASKA kerajaan dalam daerah Muallim yang melibatkan seorang pendidik dan dua orang kanak-kanak yang berumur 3 tahun semasa kajian dijalankan. Pemerhatian, temu bual, senarai semak dan analisis dokumen menjadi kaedah utama bagi pengumpulan data kajian ini. Analisis kandungan bertema, transkripsi dan skor senarai semak telah digunakan sebagai cara menganalisis data. Teori Pembelajaran Semulajadi-Perkembangan Bahasa Holdaway dijadikan asas bagi pembinaan kerangka garis panduan perbualan pendidik yang menggunakan model reka bentuk instruksi Dick dan Carey. Dapatan kajian menunjukkan Garis Panduan BuDi memiliki ciri-ciri kebolegunaan yang mudah difahami dan mudah dilaksanakan semasa aktiviti bersama kanak-kanak di TASKA. Selain itu, pendidik menggunakan garis panduan ini untuk mengenal pasti peringkat perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak dan juga strategi perbualan yang sesuai bagi setiap peringkat. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan kesan yang positif terhadap pencapaian kefahaman dan penambahan kosa kata (semantik) dan fungsi bahasa (pragmatik) kanak-kanak dalam kajian ini. Kesimpulannya, garis panduan perbualan ini dapat memberi panduan kepada pendidik mengenai strategi perbualan yang lebih efektif untuk menyokong bahasa dan komunikasi kanak-kanak. Implikasi kajian ini ialah pendidik perlu peka kepada tahap perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak dan lebih cakna dengan strategi perbualan kanak-kanak di TASKA. Justeru, satu kajian yang berskala lebih besar perlu dilaksanakan untuk melihat kesan penggunaan garis panduan ini bukan sahaja kepada bahasa dan komunikasi tetapi juga domain perkembangan yang lain.





## **THE DEVELOPMENT OF TEACHER-CHILD CONVERSATION GUIDELINE (BuDi) IN SUPPORTING 3-YEAR OLD'S LANGUAGE & COMMUNICATION DEVELOPMENT**

### **ABSTRACT**

This study aims to develop a conversation guideline as a reference for educators to implement effective conversations at TASKA to support the development of language and communication of children in terms of semantic and pragmatic skills. The conversation guideline named as BuDi Guideline is developed to address the lack of references and research gap for teacher-child conversation and for those educators who are not competent in communicating with children. The study was conducted qualitatively by applying a case study design in a government nursery in Muallim district, which involved a teacher and two children aged 3 years old. Observation, interviews, checklists and document analysis are the primary methods of data collection. Thematic content analysis, transcription and checklist scores have been widely used as data analysis methodology. Holdaway Language Development Theory is the ground reference for the construction of educator conversation guideline framework using Dick and Carey instructional design model. Through the findings, BuDi Guideline has been found to have usability features that are easy to understand and very practical during activities with children at TASKA. In addition, educators use this guideline to analyze the level of language development and communication of children as well as appropriate conversation strategies for each level. The results of the study have also shown positive impact on the achievement of understanding and expansion of vocabulary (semantics) and language function (pragmatics) of children. In conclusion, BuDi guideline has managed to guide educators on more effective conversational strategies to support children's language and communication. The implication of this study is that educators need to be more concern to the level of language development and communication, as well as conversation strategies of children at TASKA. Therefore, a larger-scale research needs to be conducted to see the impact of the implementation of this guideline not only on language and communication, but also other developmental domains.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hasil Kajian	11
1.7 Definisi Operasional	12
1.7.1 Garis Panduan Perbualan BuDi	12
1.7.2 Perkembangan Bahasa	13
1.7.3 Perkembangan Komunikasi	15



**Muka Surat**

1.7.4 Kanak-kanak	15
1.7.5 Purata Panjang Ujaran (PPU/MLU)	16
1.8 Limitasi Kajian	17
1.9 Kesimpulan	17

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	18
2.2 Perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak	19
2.2.1 Komponen Bahasa Semantik	22
2.2.1.1 Purata Panjang Ujaran (PPU/MLU)	26
2.2.2 Komponen Bahasa Pragmatik	27
2.2.2.1 <i>Beating around the bush</i>	30
2.2.2.2 Cakap terbalik (cakap berkias)	31
2.2.3 Penilaian Bahasa Oral Kanak-kanak	32
2.2.4 Tahap Perkembangan Bahasa dan komunikasi Kanak-kanak 2 Tahun	34
2.3 Teori-teori Pembinaan Garis Panduan BuDi	35
2.3.1 Teori Perkembangan Bahasa – Teori Pembelajaran Semulajadi Holdaway (1979)	35
2.3.2 Teori Perkembangan Komunikasi – Fungsi Bahasa Halliday (1976)	42
2.4 Kerangka Konseptual-teori	45
2.5 Kajian-kajian lepas	47
2.5.1 Kepentingan Garis Panduan	47
2.5.2 Peranan Pendidik Dalam Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak	48

**Muka Surat**

2.5.3 Impak Lokasi dan Sudut dalam Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-Kanak	56
2.5.4 Perkembangan Semantik Kanak-kanak	58
2.5.5 Perkembangan Pragmatik Kanak-kanak	60
2.6 Kajian-kajian yang Menggunakan model Dick dan Carey (1996) Sebagai kerangka pembangunan modul	62
2.7 Kesimpulan	64

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	65
3.2 Reka bentuk Kajian	66
3.3 Lokasi Kajian	68
3.4 Persampelan Kajian	69
3.5 Prosedur Pelaksanaan Kajian	71
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	76
3.6.1 Analisis Dokumen	76
3.6.2 Pemerhatian	77
3.6.3 Temu bual	79
3.6.4 Senarai semak	81
3.7 Modul Reka Bentuk Pembinaan Garis Panduan	82
3.7.1 Mengenalpasti Matlamat Kajian	88
3.7.2 Membuat Analisis Untuk Merangka Sebuah Garis Panduan	90
3.7.3 Mengenal pasti Tingkah Laku Kanak-kanak	93
3.7.4 Menentukan Pencapaian dan Objektif	95

**Muka Surat**

3.7.5 Membina Instrumen	95
3.7.5.1 Kesahan Instrumen	99
3.7.5.2 Rintis Instrumen	101
3.7.6 Membina Intervensi	101
3.7.7 Membina dan Memilih Situasi	103
3.7.8 Penilaian Garis Panduan BuDi	105
3.7.8.1 Kajian Rintis	107
3.7.9 Menyemak Garis Panduan BuDi	109
3.7.9.1 Kesahan Garis Panduan BuDi	109
3.7.10 Penilaian Pelaksanaan Garis Panduan	112
3.7.10.1 Prosedur Pelaksanaan Garis Panduan BuDi	112

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	115
4.2 Pembinaan Tema	115
4.3 Profil Peserta Kajian	116
4.3.1 Pendidik	117
4.3.2 Kanak-kanak 1	118
4.3.3 Kanak-kanak 2	118
4.4 Soalan Kajian 1: Sejauhmanakah Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak 3 tahun?	119
4.5 Soalan Kajian 2: Apakah persepsi pendidik terhadap garis panduan perbualan?	124

**Muka Surat**

4.6 Soalan Kajian 3: Bagaimanakah Garis Panduan yang Sesuai untuk Kegunaan Pendidik?	127
4.7 Soalan Kajian 4: Sejauhmanakah kebolegunaan Garis Panduan BuDi?	128
4.7.1 Perkembangan Semantik Kanak-Kanak	128
4.7.2 Penambahan Pengetahuan	130
4.7.3 Masalah Dihadapi	135
4.8 Soalan Kajian 5: Bagaimanakah Ciri-ciri Kemahiran Semantik Kanak-kanak Semasa Penggunaan Garis Panduan BuDi?	138
4.8.1 Purata Panjang Ujaran	143
4.9 Soalan Kajian 5: Bagaimanakah Ciri-ciri Kemahiran Semantik Kanak-kanak Semasa Penggunaan Garis Panduan BuDi?	146
4.9.1 Fungsi Bahasa Yang Terlibat	150
4.10 Kesimpulan	151

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

5.1 Pengenalan	153
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	153
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	155
5.3.1 Pembinaan Garis Panduan BuDi	156
5.3.2 Ciri-ciri Kebolegunaan Garis Panduan BuDi	157
5.3.3 Kemahiran Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak	158
5.4 Implikasi	160
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	163

**Muka Surat**

5.6 Kesimpulan 164

**RUJUKAN** 165

**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Persoalan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian	12
2.1	Kemahiran semantik kanak-kanak berusia 2-2 ½ tahun	25
2.2	Peringkat Purata Panjang Ujaran Kanak-kanak (Brown, 1973)	27
2.3	Kemahiran pragmatik	29
2.4	Cadangan Peranan Pendidik Berdasarkan Perkembangan Bahasa Kanak-kanak	40
2.5	Tujuh Fungsi Bahasa Halliday	43
3.1	Senarai Pemerhatian	79
3.2	Senarai Temu Bual	81
3.3	Fasa Pembinaan Garis Panduan	84
3.4	Reka bentuk pembinaan Garis Panduan BuDi	85
3.5	Perbandingan Dokumen Rujukan	90
3.6	Senarai Tingkah Laku Berbahasa Kanak-kanak	94
3.7	Kesahan Pakar Bagi Instrumen Perkembangan Bahasa Kanak-kanak 3 Tahun	100
3.8	Senarai Item Senarai Semak yang Digugurkan	101
3.9	Intervensi Perbualan Pendidik	102
3.10	Pemilihan Situasi Bagi Merangka Garis Panduan BuDi	30
3.11	Senarai Penilaian Pendidik	105
3.12	Senarai Penambahbaikan Berdasarkan Borang Penilaian Pendidik	106
3.13	Maklumat Berkenaan Dua Pendidik Yang Dipilih	107
3.14	Hasil Temu Bual Kajian Rintis	108



<b>No. Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
3.15	Senarai Latar Belakang Panel Pakar Kesahan	110
3.16	Senarai Kesahan Pakar	110
3.17	Senarai Penambahbaikan 1 Berdasarkan Kesahan Pakar	111
4.1	Kod-kod Mengikut Tema	116
4.2	Senarai <i>Developmental Alert</i> Berdasarkan Data Perkembangan Kanak-Kanak Kebangsaan	123
4.3	Persepsi Pendidik Terhadap Garis Panduan Perbualan	124
4.4	Penambahbaikan Garis Panduan BuDi Selepas Pelaksanaan Kajian	137
4.5	Pencapaian Kemahiran Semantik K1 dan K2	139
4.6	Taburan Kekekapan Jumlah Panjang Ujaran Kata K1 dan K2	143
4.7	Purata Panjang Ujaran (PPU) K1 dan K2	145
4.8	Pencapaian Kemahiran Pragmatik K1 dan K2	147
4.9	Fungsi Bahasa K1 dan K2	151
5.1	<i>Cadangan Peranan Pendidik Berdasarkan Teori Perkembangan Bahasa Kanak-kanak (Holdaway, 1979)</i>	160





## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Teori Perkembangan Bahasa Holdaway	36
2.2	Perbandingan Zon Perkembangan Proksimal yang dicapai dengan bimbingan dan tanpa bimbingan	39
2.3	Graf Tahap Penglibatan Pendidik dan Kanak-kanak dalam Perbualan	41
2.4	Gabung jalin antara Teori Pembelajaran Holdaway dengan 7 fungsi bahasa Halliday	44
2.5	Kerangka konseptual teori kajian	46
3.1	Carta Alir Fasa Analisis Keperluan	72
3.2	Carta Alir Fasa Pembinaan	73
3.3	Carta Alir Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	74
3.4	Rangka Prosedur Kajian	75
3.5	Model Dick & Carrey	83



## SENARAI SINGKATAN

ABP	Amalan Bersesuaian Perkembangan
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
BuDi	Garis Panduan Perbualan Pendidik
ECAT	<i>Early Language Lead Practitioner</i>
EYP	<i>Early Years Practitioners</i>
HFMD	<i>Hand, Foot and Mouth Disease</i>
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PCI	<i>Parent-Child Interaction</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPI	Program Pendidikan Inklusif
RIA	<i>Read It Again</i>
SLT	<i>Speech and Language Therapy</i>
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>
TAKSA	Taman asuhan kanak-kanak
WHO	<i>World Health Organisation</i>





## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat
- B Transkrip
- C Instrumen
- D Garis Panduan BuDi Versi Asal
- E Garis Panduan Budi Versi Baharu





## BAB 1

### PENGENALAN



Bab ini membincangkan beberapa aspek yang mempunyai signifikan terhadap kajian ini. Antara aspek tersebut ialah latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hasil kajian, definisi operasi dan limitasi kajian.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia kini dalam merangka pelan pendidikannya yang lebih cemerlang dan seiring negara maju telah memberi penekanan kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak. Ini jelas dapat dilihat daripada pelaksanaan program PERMATA yang mula dilancarkan pada 2006 dan peruntukan besar yang diperoleh setiap tahun bagi





menambah baik dan mempertingkatkan mutu pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Ini kerana negara-negara maju lain telah bersetuju bahawa pendidikan yang efektif diberikan dari awal usia kanak-kanak akan memberi impak positif terhadap perkembangan kemajuan negara.

Morrow (2007) menyatakan kanak-kanak yang mempunyai pengalaman prasekolah yang berkualiti dengan penekanan diberikan kepada bahasa dan literasi adalah lebih cemerlang semasa mereka berada di peringkat persekolahan arus perdana. Ini jelas menunjukkan aktiviti di taska dan tempat pengasuhan harus diberi penekanan yang efektif dan mapan bagi memastikan setiap kanak-kanak memperoleh ilmu yang bermanfaat di awal usia mereka. Bagi aspek bahasa dan komunikasi, perkembangan bahasa kanak-kanak harus diberi perhatian agar kanak-kanak tidak keciciran dalam pelbagai aspek khususnya akademik mahupun sosial dari peringkat awal lagi (*National Association for the Education of Young Children*, 2005).

Tambah Morrow (2007) terdapat pendidik yang tidak memberi penekanan kepada aspek literasi di peringkat awal kanak-kanak kerana mereka percaya bahawa kanak-kanak hanya akan bersedia untuk mendalami literasi apabila otak mereka sudah matang dalam kira-kira usia enam tahun. Namun begitu, terdapat juga segelintir pendidik yang berpendapat pengajaran literasi tidak semestinya dimulakan dengan pembelajaran formal di taska. Ia boleh berlaku secara tidak formal dari rumah, semasa mandi, semasa kanak-kanak di dalam kereta pulang dari membeli-belah, sebelum tidur dan pelbagai situasi lagi. Hal ini kerana pendedahan dan pemupukan kepada literasi boleh dilakukan dari awal sehinggalah sampai waktu kematangan dan kesediaan kanak-kanak tersebut untuk belajar secara formal (Beaty & Pratt, 2010).





Brooks dan Kempe (2012) menyatakan bahawa kanak-kanak mampu untuk memperoleh bahasa secara alami dan natural sejak dari bayi. Ini disokong oleh Saxton (2010), pemerolehan bahasa itu bersifat kontinum hasil daripada interaksi dengan objek dan individu di sekelilingnya. Orang dewasa digalakkan untuk sentiasa berusaha untuk memanjangkan sesuatu topik perbualan bagi memastikan kanak-kanak memperoleh jumlah perbendaharaan kata yang banyak semasa di peringkat awal usia mereka. Otak kanak-kanak akan bertindak untuk menyimpan segala perbendaharaan kata yang didengarnya dan akan menjadi tidak asing bagi mereka apabila mereka mendengarnya semasa di taska atau tadika kelak (Jamilah, 2012b). Menurut Jamilah lagi, ibu bapa khususnya disarankan untuk tidak membantutkan perbualan apabila kanak-kanak sering bertanyakan soalan yang kadangkala tidak logik atau sukar dijawab dan ibu bapa seharusnya bijak mencari idea untuk sentiasa menjawab setiap persoalan anak dan memastikan jawapan itu tidak bercanggah dengan fakta sebenar. Ini kerana maklumat yang diperolehi daripada ibu bapa akan disimpan oleh kanak-kanak untuk jangka masa yang panjang sehingga kanak-kanak sampai ke situasi yang pernah ditanya kepada ibu bapa.

Morrow (2007) juga menyatakan perkembangan bahasa merupakan antara kemahiran yang paling dititikberatkan dan merupakan salah satu kemahiran yang menjadi perhatian kebanyakan ibu bapa di peringkat prasekolah. Ini menyebabkan ibu bapa cenderung untuk membandingkan anak mereka dengan anak rakan lain dari segi pertuturan, bacaan dan kebolehan berkomunikasi. Perkembangan bahasa kanak-kanak boleh dibantu dengan berlakunya interaksi antara kanak-kanak dan orang dewasa. Oleh itu interaksi antara kanak-kanak dengan ibu bapa, adik beradik dan pendidik yang banyak memberi impak terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak. Memandangkan





kajian ini akan dijalankan di taska, maka skop penjelasan akan tertumpu kepada interaksi antara pendidik dengan kanak-kanak. Kajian lampau ada menunjukkan bahawa kanak-kanak semasa di peringkat usia tiga tahun mampu menunjukkan pemunculan kefahaman terhadap pertuturan orang dewasa (Shatz, 1978; Pan & Berko-Gleason, 1985; dalam Marinac, Woodyatt & Ozanne, 2008). Ini menunjukkan pentingnya interaksi dan komunikasi yang positif antara kanak-kanak dengan pendidik semasa di taska.

Kajian menunjukkan penyertaan pendidik dalam aktiviti yang melibatkan kanak-kanak seperti aktiviti sosiodramatik dapat meningkatkan perkembangan bahasa seterusnya komunikasi kanak-kanak. (Field, 1980; Lovinger, 1974; Smillansky, 1968 dalam Lynn, Taussig & D.Ed., 1989). Sebelum ini, aktiviti main peranan banyak diimplementasikan sebagai alat untuk meningkatkan perkembangan sosial serta bahasa kanak-kanak, namun dapat dikenal pasti bahawa kanak-kanak kurang interaksi bersama pendidik apabila terlibat dalam aktiviti sedemikian. Justeru Bond dan Wasik (2009) telah mengambil langkah mencipta aktiviti dinamakan stesen perbualan yang ringkas dalam pelaksanaan tetapi memberi impak yang besar terhadap perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Bond dan Wasik (2009) terhadap kanak-kanak yang menjalani program *Head Start* di Amerika Syarikat, didapati bahawa aktiviti stesen perbualan dapat meningkatkan peluang bagi kanak-kanak untuk berinteraksi bersama orang dewasa selain daripada mendapat respons terhadap bahasa yang mereka gunakan kerana aktiviti ini menekankan kepentingan perbualan secara individu bersama pendidik. Bagi memastikan aktiviti stesen perbualan ini dapat





dijalankan secara efektif, stesen tersebut dibina dalam kelas taska itu sendiri. Kanak-kanak dan pendidik yang terlibat semasa stesen perbualan berlangsung akan saling berkomunikasi dan mendengar secara aktif dan mereka juga akan terlibat dalam perbualan yang bertujuan. Contohnya; jika pendidik mencetuskan topik tumbuh-tumbuhan berbunga, mereka akan berbual, berbincang dan saling bersoal jawab tentang topik tersebut. Ini kerana perbualan adalah alat utama dalam perkembangan bahasa oral dalam kelas prasekolah (Dickinson et al., 2003; Snow, 1991 dalam Bond & Wasik, 2009).

Oleh kerana itu, sebuah kajian komprehensif harus dijalankan bagi melihat sejauh mana aktiviti yang melibatkan perbualan bersama pendidik dapat diimplimentasi di taska Malaysia dan kesannya terhadap perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak di Malaysia khususnya yang berumur tiga hingga empat tahun.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Bahasa merupakan sebuah sistem komunikasi terdiri daripada bunyi, perkataan dan tatabahasa ataupun medium komunikasi yang digunakan manusia di sesebuah lokasi (Mahzan Arshad, 2013). Kanak-kanak normal dikatakan boleh mengeluarkan bunyi-bunyian bahasa seawal usia tiga bulan. Menurut Saxton (2010), kanak-kanak yang berusia dua hingga enam tahun boleh mempelajari 10 perkataan baharu sehari, menunjukkan secara puratanya mereka mampu memperoleh perkataan daripada 10,000 hingga ke 14,000 seawal usia enam tahun. Ini adalah kerana kebolehan otak kanak-kanak berfungsi sebagai alat penyimpan bahasa yang begitu efektif semasa peringkat



awal usia mereka. Namun kebolehan ini tidak akan berfungsi jika mereka tidak mendapat pendedahan yang sepatutnya.

Apabila mencecah usia tiga hingga ke lima tahun, kanak-kanak akan terlibat secara aktif dan sepenuhnya dengan kemahiran awal komunikasi seperti mendengar dan bertutur, terutama sekali bagi kanak-kanak yang mendapat sokongan dan menjalani aktiviti yang melibatkan awal literasi daripada orang dewasa di sekeliling mereka (Beaty & Pratt, 2010). Masalah timbul apabila kanak-kanak tidak mendapat sokongan pengajaran dan pembelajaran literasi yang mapan di awal usia mereka sedangkan pada waktu tersebut otak kanak-kanak begitu aktif dalam menyerap segala jenis ilmu. Malahan masih terdapat ibu bapa di sesetengah tempat di Malaysia masih menggunakan bahasa pelat dan tidak standard apabila berkomunikasi dengan kanak-kanak kerana ibu bapa tersebut berpandangan bahawa mereka ketika di usia muda juga dibiasakan dengan bahasa pelat tetapi tidak membawa masalah apabila dewasa (Jamilah, 2012a). Dalam era globalisasi kini, telahan sebegitu sepatutnya sudah dimansuhkan kerana anak-anak pada zaman penuh mencabar ini perlu didedahkan dengan ilmu-ilmu bermanfaat dan ke hadapan seiring dengan zaman tumbesaran mereka. Mendedahkan kepada kanak-kanak kepada bahasa tidak standard ataupun tidak mendedahkan kanak-kanak kepada rutin komunikasi yang betul akan memberi kesan kepada perhubungan kanak-kanak antara pendidik dan rakan-rakan apabila di sekolah. Pendidik akan menghadapi kesukaran di awal perkenalan bagi memahami perkataan-perkataan tertentu yang merujuk kepada situasi tertentu. Menurut (Whitehead, 2010) kegagalan ibu bapa dalam mendedahkan kanak-kanak kepada bahasa dan komunikasi pada peringkat awal akan membantutkan pengalaman-pengalaman bermakna kepada kanak-kanak kerana mereka mungkin akan menghadapi masalah dalam pembelajaran kelak.





Sebagai tambahan merujuk kepada dokumen Piawaian pelaksanaan prosedur Pusat Anak Permata Negara (2011) kanak-kanak akan tinggal di taska sehingga 10 jam bermula seawal 7.30 pagi hingga 5.30 petang. Ini menunjukkan taska sebagai sebuah institusi yang menjadi antara tempat yang paling panjang tempoh kanak-kanak akan meluangkan masa dalam seharian dilihat sebagai antara tempat yang boleh dijadikan medium bagi mengembangkan dan memberi pendedahan kepada bahasa dan komunikasi yang betul. Pemilihan dan pelaksanaan aktiviti yang bersesuaian dengan usia dan penggunaan bahasa yang standard dapat mengatasi masalah bahasa dan komunikasi yang seterusnya menghasilkan kanak-kanak yang literat dari aspek bahasa dan komunikasi.

Menurut Challander dan Williams (2010), komunikasi merupakan alat utama dalam perkembangan bahasa kanak-kanak semasa di pusat perkembangan kanak-kanak atau di taska. Namun malangnya menurut kajian Bond dan Wasik (2009), peluang bagi kanak-kanak untuk memperoleh peluang berbual secara bertujuan dalam kelas bersama orang dewasa atau pendidik adalah kurang terutama sekali bagi kanak-kanak yang tinggal dalam kawasan kemiskinan. Permasalahan kajian ini dapat dilihat lagi apabila terdapat segelintir pendidik yang menyifatkan bahawa permainan secara bebas antara kanak-kanak sudah cukup bagi perkembangan bahasa mereka namun telahan itu ternyata salah kerana kanak-kanak yang lebih banyak komunikasi dengan orang dewasa menunjukkan perkembangan bahasa yang lebih baik (Lynn et al., 1989). Masalah ini jelas berlaku dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia juga apabila dijalankan ujian bahasa dan komunikasi menggunakan Instrumen Literasi Awal ke atas 94 orang kanak-kanak berusia 2+ tahun di sekitar daerah perak dan hulu selangor, di dapati nilai min yang rendah bagi item “penglibatan diri dalam perbualan” iaitu 1.15 (Zainiah Mohamed





Isa, Juppri Bacotang, Mazlina Mustafa, Nur Fatin Zainuddin & Mohammad Azizuddin Kastari, 2018).

Permasalahan bagi kajian ini seterusnya adalah apabila pengkaji Vukelich, Christie dan Enz (2012) pula menyatakan bahawa pendidik di tadika mendominasi sebanyak 80% semasa proses komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk arahan. Ini boleh mengakibatkan kanak-kanak sukar untuk membuat keputusan sendiri dan berasa terbantut untuk bercakap. Malahan situasi ini boleh diibaratkan sebagai “kakak tua” kerana kanak-kanak hanya akan mengikut setiap yang diperkatakan oleh pendidik. Lebih malang lagi, menurut Wasik (2010) terdapat sesetengah pendidik yang masih tidak faham sepenuhnya bagaimana bahasa kanak-kanak berkembang dan tidak memahami akan kepentingan interaksi bermakna terhadap perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak. Disokong pula oleh Dickinson dan Tabors (2001) dalam Wasik (2010) yang menyatakan bahawa masih ramai pendidik yang tidak berusaha untuk memulakan perbualan dengan kanak-kanak dan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk memberi respons. Pendidik perlu tahu bahawa kanak-kanak yang ditanya dengan soalan terbuka, kanak-kanak yang disokong untuk melanjutkan lagi perbualan dan kanak-kanak mendapat respons atas setiap pendapat yang mereka utarakan adalah lebih mudah meningkatkan perkembangan bahasa mereka (Wasik, 2010).

Sebagai tambahan, di Malaysia juga masih belum wujud sebuah garis panduan perbualan yang boleh dijadikan rujukan bagi para pendidik untuk berinteraksi secara bermakna dengan kanak-kanak mengikut perkembangan bahasa kanak-kanak itu sendiri. Sedangkan menurut Adger, Hoyle dan Dickinson (2004); Dickinson dan





Caswell (2007); Fillmore dan Snow (2000) dalam Wasik (2010) menyatakan setiap pendidik sebenarnya memerlukan sebuah panduan yang dapat menyumbang kepada perkembangan bahasa kanak-kanak dalam aspek penambahan kosa kata dengan cara menggunakan bahasa secara berfungsi dan bermakna. Berdasarkan carian pengkaji sendiri, terdapat buku panduan perbualan yang diadaptasi dari bahasa barat seperti “100 Panduan Mengajar Komunikasi, Bahasa dan Literasi” keluaran Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, namun buku ini hanya menyatakan panduan umum yang tidak menjurus kepada peringkat bahasa kanak-kanak secara spesifik. Selain itu terdapat juga buku “7 Tip Komunikasi dengan Kanak-kanak” keluaran Penerbit Universiti Sains Malaysia tetapi buku ini lebih kepada pengalaman penulis sendiri bersama anaknya.

Oleh itu, dapat dilihat masalah bahasa dan komunikasi kanak-kanak adalah disebabkan kurangnya sokongan dan pendedahan daripada ibu bapa dan pendidik. Masalah ini boleh diatasi jika ibu bapa dan pendidik sentiasa berinteraksi dengan kanak-kanak untuk bertutur dan menyuarakan pendapat. Jika ini dilakukan, perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak akan dapat dipertingkatkan sebagai persediaan kepada perkembangan literasi pada masa akan datang. Pengkaji merasakan amat penting sebuah kajian yang komprehensif dijalankan di taska bagi membangunkan sebuah garis panduan perbualan pendidik yang dapat menyumbang kepada peningkatan bahasa dan komunikasi kanak-kanak di Malaysia.





## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara amnya adalah untuk membangunkan sebuah garis panduan perbualan pendidik. Namun secara khususnya, kajian ini lebih memfokuskan bagi objektif berikut:

- 1) Untuk mengenal pasti keperluan pembinaan garis panduan perbualan pendidik.
- 2) Untuk membina sebuah garis panduan perbualan pendidik yang sesuai bagi menyokong perkembangan semantik dan pragmatik kanak-kanak 3 tahun.
- 3) Untuk mengenal pasti kebolegunaan Garis Panduan BuDi dalam kalangan pendidik.



## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan yang timbul dalam membangunkan sebuah garis panduan perbualan pendidik terhadap perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak berumur tiga tahun. Pengkaji mengelaskan persoalan kajian berdasarkan objektif kajian seperti berikut:



## Jadual 1.1

*Persoalan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian*

Objektif	Persoalan Kajian
Objektif 1 Untuk mengenal pasti keperluan pembinaan garis panduan perbualan pendidik.	1) Sejauh manakah perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak? 2) Apakah persepsi pendidik terhadap garis panduan perbualan pendidik?
Objektif 2 Untuk membina sebuah garis panduan perbualan pendidik yang sesuai bagi menyokong perkembangan semantik dan pragmatik kanak-kanak 3 tahun.	3) Bagaimanakah garis panduan yang sesuai untuk kegunaan pendidik bagi menyokong perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak?
Objektif 3 Untuk mengenal pasti kebolegunaan Garis Panduan BuDi dalam kalangan pendidik.	4) Sejauh manakah kebolegunaan Garis Panduan BuDi dalam kalangan pendidik di taska? 5) Apakah ciri-ciri kemahiran semantik yang berlaku semasa penggunaan Garis Panduan BuDi? 6) Apakah ciri-ciri kemahiran pragmatik yang berlaku semasa penggunaan Garis Panduan BuDi?

**1.6 Hasil Kajian**

Menghasilkan sebuah garis panduan perbualan (BuDi) yang boleh diaplikasikan pendidik kepada kanak-kanak di taska dan juga menghasilkan senarai semak perkembangan bahasa dan komunikasi yang berasaskan garis panduan perbualan ini.





## 1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional boleh ditakrifkan memberikan takrifan yang jelas dan ringkas terhadap sesuatu istilah. Definisi operasional merupakan asas bagi pengkaji untuk mengumpul data yang berkaitan dengan kajian (Mok, 2010). Definisi operasional harus disenaraikan sebelum proses mengumpul data bermula. Definisi operasional dalam kajian ini melibatkan “Pembinaan Garis Panduan Perbualan Pendidik (BuDi) Bagi Meningkatkan Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak 3 tahun”

### 1.7.1 Garis Panduan Perbualan Pendidik (BuDi)

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi ke-4 (2005), garis panduan merujuk kepada suatu dokumen bertulis yang mengandungi rujukan atau strategi atau langkah-langkah yang diperlukan oleh pembaca. Garis panduan ini dibina sebagai panduan bagi pendidik di taska untuk berinteraksi bersama kanak-kanak semasa melakukan aktiviti. Garis panduan ini juga akan disertakan dengan senarai semak bagi pendidik melihat sejauh mana perkembangan bahasa dan komunikasi yang telah dicapai oleh kanak-kanak di taska. Garis panduan ini dibina berdasarkan Teori Perkembangan Bahasa Holdaway (1978) yang menyifatkan perkembangan bahasa kanak-kanak berlaku melalui empat peringkat iaitu pemerhatian, turut serta, latihan dan penguasaan. Bagi tujuan kajian, garis panduan yang dibina ini akan memberi fokus kepada perkembangan semantik dan pragmatik kanak-kanak berumur tiga tahun. Juga sebagai tujuan kajian, garis panduan perbualan pendidik yang akan dihasilkan hanya berfokus kepada lima waktu situasi iaitu;



- 1) Waktu pengajaran dan pembelajaran
- 2) Waktu bacaan dan bercerita
- 3) Waktu makan
- 4) Waktu pengurusan diri
- 5) Waktu aktiviti luar (main pasir)

### **1.7.2 Perkembangan Bahasa**

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi ke-4 (2005), bahasa merujuk kepada satu sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia. Menurut Rohani Abdullah (2001), terdapat empat komponen dalam perkembangan bahasa kanak-kanak iaitu fonologikal, semantik, tatabahasa dan pragmatik. Perkembangan semantik merupakan salah satu komponen dalam perkembangan bahasa berkaitan dengan makna penggunaan perkataan (Rohani Abdullah, 2001 dalam Zainiah Mohamed Isa, 2011). Bagi kajian ini, pengkaji memilih untuk melihat komponen bahasa kanak-kanak dari segi semantik kerana pengkaji ingin melihat sama ada kanak-kanak 3 tahun sudah mencapai tahap kefahaman tentang makna perkataan yang disebut oleh orang dewasa atau gambar yang ditunjukkan kepada mereka. Menurut Nelson (1973) dalam Rohani Abdullah (2001) menyatakan bahawa perkembangan semantik kanak-kanak pada dua tahun pertama kelahiran adalah tertumpu pada;

- 1) Objek dan tindakan seperti menggunakan kata nama berbentuk objek dan kata perbuatan.
- 2) Pernyataan keadaan seperti menggunakan kata sifat objek.
- 3) Perkataan peribadi atau sosial seperti perkataan yang menunjukkan emosi.
- 4) Perkataan berfungsi seperti perkataan yang semata-mata berfungsi sebagai tatabahasa, contohnya “mana” dan “apa”.

Menurut Mangantar (1987) dalam Zainiah Mohamed Isa (2011), secara umumnya perkembangan permaknaan perkataan ini berlaku seperti berikut;

- 1) Peringkat penyempitan makna perkataan di mana kanak-kanak hanya beranggapan satu benda yang tertentu termaktub oleh satu makna yang seolah-olah menjadi nama diri benda itu seperti “*doggy*” hanyalah anjing yang dipelihara di rumah sahaja.
- 2) Peringkat pemanjangan berlebihan atau generalisasi yang berlebihan mulai memanjangkan makna sesuatu kata secara berlebihan iaitu yang dimaksudkan “*doggy*” itu adalah semua haiwan yang berkaki empat.
- 3) Peringkat medan semantik pula berlaku apabila kanak-kanak menggolongkan kata-kata yang berkaitan dengan ke dalam satu medan semantik. “*Doggy*” hanya untuk anjing, “*kitty*” untuk kucing.

Dalam konteks kajian ini, perkembangan semantik kanak-kanak yang diberi perhatian ialah penambahan purata ujaran kanak-kanak, peningkatan pemahaman dan penambahan kosa kata. Kesimpulannya, perkembangan semantik bermula secara berperingkat dari awal usia kanak-kanak bermula dengan keperluan dan persekitaran



terhampir kanak-kanak itu sendiri dan berkembang ke luar, seharusnya perkembangan semantik kanak-kanak disokong oleh pendidik di taska.

### **1.7.3 Perkembangan Komunikasi**

Perkembangan komunikasi adalah kebolehan mendengar dan bertutur bagi memastikan sesuatu sistem maklumat dapat distrukturkan dan dikongsi dengan individu lain kepada individu yang lain (Lee, 2013). Bagi konteks kajian ini, pengkaji ingin melihat perkembangan komunikasi kanak-kanak dari segi bagaimana mereka menggunakan bahasa berdasarkan situasi dan pada waktu-waktu yang bersesuaian. Ini jelas menjurus kepada kemahiran pragmatik di mana kanak-kanak menggunakan bahasa secara berkesan dalam konteks sosial (Rohani Abdullah, 2001). Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin memberi fokus kepada kemahiran kanak-kanak berkomunikasi mencakupi tujuh fungsi bahasa Halliday dan untuk melihat proses komunikasi dua hala antara kanak-kanak dengan pendidik dan antara kanak-kanak dengan kanak-kanak lain.

### **1.7.4 Kanak-kanak**

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) mendefinisikan kanak-kanak sebagai individu yang berumur 18 tahun ke bawah. Bagi konteks kajian ini pengkaji hanya memberi fokus kepada dua orang kanak-kanak yang berusia tiga tahun yang menjalani pendidikan di sebuah TASKA dalam daerah Muallim, Perak. Pemilihan kanak-kanak





ini adalah berdasarkan pencapaian perkembangan *developmental alert* yang rendah bagi aspek bahasa dan komunikasi.

### **1.7.5 Purata Panjang Ujaran (*Mean Length Utterance*), Roger Brown (1973)**

Brown (1973) dalam Zainiah Mohamed Isa (2011) menyatakan bahawa purata panjang ujaran (MLU-m) kanak-kanak merujuk kepada jumlah morfem yang dituturkan oleh seseorang kanak-kanak dalam pertuturannya. Tetapi apabila kajian demi kajian dilakukan merentasi tahun, analisis purata panjang ujaran yang diperkenalkan oleh Brown semakin tidak diguna pakai kerana para pengkaji lebih mudah membuat analisis menggunakan jumlah perkataan berbanding jumlah morfem (MLU-w) (Santos, Lynce, Carvalho, Cacela & Mineiro, 2015).

Pengiraan jumlah purata panjang ujaran merupakan satu kayu ukur yang baik untuk perkembangan bahasa kanak-kanak dari awal usia hingga ke usia lima tahun. Jika seseorang kanak-kanak memperoleh nilai purata panjang ujaran yang tinggi, itu menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut sudah semakin berkemampuan untuk menghasilkan perkataan yang lebih kompleks.





## 1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini terbatas kepada pendidik yang berkhidmat di taska kerajaan dan kanak-kanak yang berusia 3 tahun yang menjalani program taska pada waktu kajian dijalankan. Ini kerana pelaksanaan Garis Panduan BuDi ini disasarkan bagi kanak-kanak yang belum mencapai tahap pendidikan tadika. Jadi hasil daripada kajian ini, dapat dilihat kesan perkembangan bahasa kanak-kanak semasa di peringkat tadika kelak. Jumlah subjek kajian hanyalah satu orang pendidik, satu orang kanak-kanak lelaki dan satu orang kanak-kanak perempuan yang berusia tiga tahun. Oleh itu kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua pendidik taska dan kanak-kanak berusia tiga tahun di Malaysia.



Sebagai kesimpulan, pengkaji menyedari terdapat banyak faktor ekstraneous yang mungkin akan mengganggu kajian ini, tetapi pengkaji akan cuba sedaya upaya untuk mengelakkan faktor tersebut mengganggu skor dapatan kajian.

## 1.9 Kesimpulan

Dalam bab ini, pelbagai aspek kajian telah dijelaskan bagi memastikan kajian ini dapat dilaksanakan bersesuaian dengan konteks kanak-kanak dan pendidikan di Malaysia. Selain itu, bab ini juga membawa lebih pencerahan kepada hala tuju kajian yang bakal dijalankan oleh pengkaji.

